

**NO. SOALAN: 138**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP  
[ MERBOK ]**

**TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 138**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha drastik Kementerian yang telah diambil untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar yang serius di sekolah-sekolah seluruh negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan pengisian guru dari masa ke semasa daripada kalangan graduan pendidikan lepasan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Universiti Awam (UA) tertakluk kepada kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran. Urusan pengambilan melalui Pihak Berkuasa Melantik iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) ini dijalankan sepanjang tahun.

Di samping itu, Kementerian juga melaksanakan pelantikan guru secara interim dalam kalangan graduan pendidikan daripada UA / Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan graduan pasaran terbuka bagi mengatasi isu kekurangan guru bagi mata pelajaran tertentu seperti mata pelajaran Dini dan Tahfiz, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam serta Teknik dan Vokasional.

Bagi penempatan tahun 2019, sehingga 18 Jun 2019, sejumlah 3,561 guru baharu lepasan Universiti Awam (UA) dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) serta Guru Interim telah dilantik dan telah ditempatkan bagi mengisi kekosongan jawatan guru di sekolah menengah dan sekolah rendah seluruh Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Mei 2019 kekurangan guru di sekolah harian seluruh negara adalah seramai 9,431 orang (2.4 peratus). Daripada jumlah tersebut, kekurangan guru di Sekolah Menengah adalah seramai 3,340 orang (2.1 peratus), 5,209 orang (2.7 peratus) di sekolah kebangsaan dan 986 orang (2.6 peratus) sekolah jenis kebangsaan Cina. Manakala terdapat lebihan pengisian di sekolah jenis kebangsaan Tamil seramai 104 orang (1.2 peratus).

KPM sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan guru di semua jenis sekolah. Antara langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah kekurangan guru jangka panjang ialah unjuran ambilan PISMP bagi tahun 2019 telah ditingkatkan kepada 6,000 orang berbanding antara 3,000

**NO. SOALAN: 138**

hingga 3,200 orang sahaja pada tahun - tahun sebelumnya. Unjuran ambilan latihan Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) dilaksanakan bagi memenuhi keperluan guru dalam tempoh lima tahun akan datang untuk mengisi kekosongan guru yang bersara paksa dalam tempoh tersebut.

Sekian, terima kasih.

RJM 34